

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan statistik mengikut daerah di Negeri Pahang: -

(a) kutipan hasil pusat agropelancongan dan jumlah pengunjung agropelancongan pada 2019; dan

(b) sejauh manakah agropelancongan mampu mencipta peluang pekerjaan dan sumber pendapatan tambahan kepada golongan petani, penternak dan nelayan.

JAWAPAN (a)

Tuan Yang Di-Pertua,

Di negeri Pahang terdapat tujuh (7) buah pusat agropelancongan yang berdaftar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Kutipan hasil sehingga tahun 2019 adalah berjumlah sebanyak RM4,034,997.35 dengan jumlah pengunjung seramai 584,776 orang.

JAWAPAN (b)

Agropelancongan mampu mencipta peluang pekerjaan dan sumber pendapatan tambahan kepada golongan petani, penternak dan nelayan melalui:

(i) Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat

Pusat agropelancongan menyediakan peluang pekerjaan sama ada secara tetap seperti perkhidmatan veterinar mahupun sampingan seperti perkhidmatan katering, pemandu pelancong dan sebagainya bagi membantu kelangsungan operasi perniagaan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Selain itu juga, masyarakat disekitar kawasan tersebut mendapat manfaat daripada kehadiran pengunjung melalui perniagaan seperti pembukaan restoran, inap desa (*homestay*) atau chalet.

(ii) Penjualan hasil pertanian, produk serta perkhidmatan

Setiap pusat agropelancongan yang dilaksanakan oleh golongan sasar iaitu penternak, petani dan nelayan melaksanakan aktiviti pertanian yang mampu memberi nilai tambah dan menarik lebih ramai pengunjung. Sebagai contoh, pusat agropelancongan yang menanam pokok nipah boleh menghasilkan produk air nira, pusat agropelancongan yang menternak ikan pula menghasilkan produk ikan pekasam, pesawah padi menjana pendapatan tambahan dengan menawarkan pakej kelas penanaman padi kepada pengunjung yang datang serta penternak madu kelulut menghasilkan produk kesihatan berteraskan madu tersebut. Terdapat banyak lagi produk dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan bagi menambahkan sumber pendapatan serta peluang pekerjaan kepada golongan sasar ini.

Sekian, terima kasih.